

31 JAN 2003

NAM-Buku

BUKU PROGRAM KERJASAMA TEKNIK MALAYSIA DIEDAR KEPADA DELEGASI NAM

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Delegasi ke mesyuarat Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini dari 20 hingga 25 Feb ini, akan dibekalkan dengan buku Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM), yang mengandungi rangka tindakan kerjasama teknik Kuala Lumpur dengan negara-negara membangun.

Rangka tindakan itu selaras dengan semangat Kerjasama Selatan-Selatan yang merupakan inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah mencapai perkongsian bestari di kalangan negara-negara membangun di dalam sumber teknikal, ekonomi dan sosial.

Menurut perancangan, buku setebal 128 muka surat itu dijangka dilancar oleh Dr Mahathir pada 6 Feb bersama-sama dengan duit syiling peringatan, setem kenangan dan sampul surat hari pertama Sidang Kemuncak NAM.

Pemimpin-pemimpin NAM, yang majoriti dari negara-negara Selatan, menghadiri sidang kemuncak pergerakan itu setiap tiga tahun. Sidang kemuncak sebelum ini berlangsung di Durban, Afrika Selatan.

Pelancaran buku PKTM itu, dianggap kena pada masanya kerana untuk tempoh tiga tahun yang akan datang, Malaysia akan menjadi pengerusi NAM.

Berikutan pelancarannya, buku yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri itu akan diedarkan juga ke pejabat perwakilan Malaysia di seluruh dunia.

PKTM dibentuk hasil kesedaran bahawa negara-negara membangun tidak seharusnya bergantung kepada bantuan negara-negara maju tetapi sebaliknya perlu berkongsi pengalaman dan kepakaran di kalangan mereka.

Program itu dilancarkan pada 1980 sejajar dengan Pelan Tindakan Buenos Aires 1978 bagi menggalakkan kerjasama teknik di kalangan negara-negara membangun.

Sejak ditubuhkan, PKTM telah menjadi instrumen dasar luar Malaysia dalam usaha meningkatkan kerjasama dua hala dengan negara-negara membangun.

PKTM kini mempunyai 133 negara sebagai negara penerimanya berbanding hanya negara-negara Asean di awal penubuhannya.

Ia memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia menerusi program-program latihan yang ditawarkan di institusi latihan, agensi kerajaan dan universiti tempatan, selain menawarkan program lawatan sambil belajar, penempatan pegawai di agensi berkaitan, khidmat kepakaran, bantuan berbentuk projek dan pembekalan peralatan.

-- BERNAMA
MAD MFJ MAI